

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]
SOALAN :**

YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) Jumlah mangsa dan kes kematian 'Hand-Foot-Mouth Disease' di Sibul dan keseluruhan Sarawak bagi tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015; dan
- (b) Usaha atau langkah - langkah drastik Kementerian untuk mengatasinya

Tuan Yang di-Pertua,

Penyakit *Hand Food Mouth Disease* (HFMD) adalah endemik di Malaysia dan berkait rapat dengan amalan kebersihan diri dan persekitaran. Penyakit ini mudah menular di kalangan kanak-kanak kecil berumur kurang daripada 10 tahun terutamanya di premis tempat tumpuan kanak-kanak seperti di taska/ tadika.

Penyakit HFMD telah diwartakan sebagai penyakit berjangkit yang perlu dinotifikasi mengikut Akta 342 pada 12 Oktober 2007. Kes HFMD yang dilaporkan di Sibu dari tahun 2010 sehingga *21 Februari 2015 adalah 507 (tahun 2010), 150 (tahun 2011), 936 (tahun 2012), 1,259 (tahun 2013), 1,497 (tahun 2014) dan 432 (*tahun 2015). Tiada kes kematian HFMD berlaku di Sibu pada tahun-tahun berkenaan. Manakala, jumlah kes HFMD di Negeri Sarawak dari tahun 2010 sehingga *21 Februari 2015 adalah 5,092 (tahun 2010), 2,947 (tahun 2011), 13,411 (tahun 2012), 8,523 (tahun 2013), 9,481 (tahun 2014), dan 2402 (*tahun 2015) dengan satu (1) kematian pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan kawalan dan pencegahan. Antara tindakan KKM adalah:

1. Pengusaha diminta menjalankan pembersihan premis seperti membasuh barang permainan kanak-kanak, peralatan dan lantai yang tercemar serta melakukan saringan terhadap kanak-kanak (*gatekeeping screening*) di bawah jagaan mereka bagi memastikan kanak-kanak yang ada tanda-tanda jangkitan HFMD tidak menghadiri sesi sekolah sehingga sembuh;
2. Penyeliaan disinfeksi premis apabila berlaku wabak HFMD dan pendidikan kesihatan kepada pengusaha taska/ tadika/ sekolah dan orang awam mengenai HFMD;

3. Penutupan premis taska/ tadika/ sekolah di bawah Akta 342 jika terdapat dua (2) atau lebih kes HFMD di tadika terbabit sekiranya terdapat keperluan; dan
4. KKM telah mengeluarkan dan mengedarkan tiga (3) garis panduan berkaitan dengan pengurusan penyakit HFMD iaitu:
 - a. Garispanduan pengurusan HFMD untuk pegawai perubatan;
 - b. Garispanduan pengendalian kanak-kanak di Taska dan Pra Sekolah; dan
 - c. Pelan Tindakan Bersepadu bagi mencegah dan mengawal kejadian penyakit HFMD.

Garis panduan ini bertujuan memastikan tindakan pencegahan dan kawalan dapat diambil di peringkat taska dan juga pra-sekolah serta memberi panduan bagi pegawai perubatan di dalam menangani kes dan wabak HFMD. Selain itu, Pelan Tindakan Bersepadu bagi mencegah dan mengawal kejadian penyakit HFMD yang melibatkan pelbagai agensi berkaitan seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga turut disediakan.

5. Sejak tahun 2007, pemantauan *circulating virus* melalui Survelan Makmal HFMD dijalankan bagi mengenalpasti virus di Malaysia. Ini bagi memastikan perancangan langkah-langkah pencegahan yang bersesuaian dapat dilaksanakan.